

## Tafsiran Quran dalam Perspektif Jaringan Islam Liberal

MUHD.NAJIB ABDUL KADIR

MUHIBUDIN HASSAN

MAZLAN IBRAHIM

### ABSTRAK

*Jaringan Islam Liberal atau JIL adalah organisasi yang muncul dari komuniti Islam Liberal sejak tahun 70an yang menyebarkan sahaman sesat. Dalam aliran dan corak tafsir di Indonesia, aliran pembaharuan adalah aliran yang banyak mewarnai penafsiran kaum JIL. Mereka semakin meresahkan masyarakat dengan pemikirannya yang bercanggah dengan ajaran Islam sebenar, kerana berhujah dengan dalil-dalil daripada Quran dan al-Sunnah. Kajian ini bersifat kajian kepustakaan di mana semua bahan adalah bersumberkan hasil tulisan, sama ada berbentuk buku, risalah atau atas talian (Internet). Kajian ini membincangkan tentang sejarah penyelewengan tafsir serta metodologi yang mereka gunakan dalam menafsirkan Quran iaitu metodologi rasional atau akal semata-mata. Hasil kajian ini mendapati bahawa tafsiran-tafsiran mereka tidak berdasarkan kepada tafsir al-ma'thūr, bahkan banyak daripada tafsiran mereka menyeleweng dari tafsiran yang sebenar, dan ini amat berbahaya kepada akidah umat Islam kerana natijahnya akan membawa kepada penolakan syariat Islam secara keseluruhannya.*

The Qur'anic Exegesis in the Islamic Liberal Networking Perspective

### ABSTRACT

*The Islamic Liberal Networking (ILN) has emerged within Muslim societies since 1970s to spread the deviating notions among Muslims. In Indonesia, there have been new types of the Qur'anic exegeses and one of them is the Qur'anic exegesis by the advocates and exponents of Islamic liberalism. Their opponents have viewed their Qur'anic exegesis as a heretical type of exegesis because they depend or rely on the liberal methods to interpret the Qur'anic verses and the texts of the Prophetic tradition. Based on the library research method, this study discusses the history of the heretical exegesis of the Qur'an and its methods including the Qur'anic exegesis made by the advocates and exponents of Islamic liberalism through their Islamic liberal networking. Through this study, it has been discovered that their Qur'anic exegesis diametrically contradicts the al-ma'thūr Qur'anic exegesis. Therefore, their Qur'anic exegesis is dangerous and heterodox because it leads to the rejection of some Islamic fundamental teachings and beliefs.*

## PENDAHULUAN

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, Rasulullah s.a.w pernah bersabda:

يأتي في آخر الزمان قوم حدثاء الأسناد سفهاء الأحلام يقولون من قول حبر البرية، يمرقون من الإسلام كما يمرق السهم من الرمية، لا يجاوز إيمانهم حناجرهم، فأيما لقيتهموه فاقتلوهم، فإن قتلهم أجر لمن قتلهم يوم القيمة  
 (al-Bukhārī, 1987, 6: 2539)

Maksudnya: Pada akhir zaman akan muncul sekelompok orang berusia muda yang dangkal akal fikiran mereka. Mereka berkata-kata dari Quran, padahal mereka telah keluar dari Islam seperti keluarnya anak panah dari busurnya. Iman mereka tidak melampaui kerongkong mereka. Di mana sahaja kamu menjumpai mereka, maka bunuhlah. Kerana membunuh mereka akan mendapat pahala di hari Kiamat.

Fenomena yang digambarkan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam Hadis di atas sudah banyak berlaku pada zaman ini. Di mana sekelompok manusia membicarakan tentang agama, hukum Islam, dan Quran dengan memutar belik dalil-dalil Quran. Sungguh tepat apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w bahawa pahala akan diberikan kepada seseorang yang membunuh golongan tersebut, kerana begitu besar bahaya yang mereka timbulkan kepada masyarakat sehingga mereka menganggap bahawa itulah ajaran Islam sebenar, disebabkan dalil-dalil yang mereka gunakan juga adalah bersumberkan daripada Quran dan Hadis..

Antara golongan yang memutarbelitkan ayat-ayat Quran dan hadith dari kalangan masyarakat kini ialah golongan yang mentafsirkan ayat-ayat Quran dan hadith dengan menggunakan pemikiran atau akal semata-mata. di mana mereka menamakan diri mereka sebagai tokoh pemikiran baru atau juga dikenali dengan nama Islam Liberal.

## KRONOLOGI ISLAM LIBERAL

Islam liberal menurut Charles Kurzman dalam bukunya *Wacana Islam Liberal, pemikiran Islam kontemporer tentang isu-isu global* muncul sekitar abad ke-18 di zaman kerajaan Turki Uthmani Dinasti Shafawi dan Dinasti Munggol sedang berada di gerbang keruntuhan (Kurzman, 2003: xvii).

Pada zaman ini munculah babit-bibit fahaman liberal awal melalui Syah Waliyullah (1703-1762). Beliau berpendapat Islam mesti

mengikut adat tempatan sesuai dengan keperluan penduduknya. Rifa'ah Rafi<sup>c</sup> al-Tantawi (1801-1873) memasukkan unsur-unsur Eropah dalam pendidikan Islam. Shihabuddin Marjani (1818-1889) dan Ahmad Makhdum Danesh (1827-1897) memasukkan mata pelajaran sekular ke dalam kurikulum pendidikan Islam (Kurzman, 2003: xviii-xxiii).

Sependapat dengan Kurzman, al-Muhtasib menyebutkan bahawa pada permulaan abad 18 kerajaan Turki Uthmani tepatnya pada masa Muhammad <sup>c</sup>Ali Basha menjadi gabenor Mesir tahun 1805, beliau banyak mengirimkan utusan ke Barat terutamanya negara Perancis untuk mempelajari ilmu strategi perang, ketenteraan dan pertanian tetapi mereka banyak terpengaruh dengan kemajuan teknologi Perancis setelah terjadinya revolusi (al-Muhtasib, 1973: 10).

Di antara tokoh-tokoh Islam Liberal di Mesir ialah <sup>c</sup>Ali <sup>c</sup>Abd al-Raziq (1866-1966), Dr. Muhammad Khalaf Allah (lahir 1916), Dr Faraj Faudah (1945-1993) dan Dr. Fu'ad Zakaria. Dr. Faudah bersama-sama Dr. Muhammad Khalaf Allah mewakili kelompok sekular Mesir pernah ditampilkan dalam satu forum debat dengan kelompok Islam pada tahun 1992, di mana kumpulan Islam satu lagi diwakili oleh Muhammad al-Ghazali, Muhammad Ma'mun al-Hudaibi dan Dr. Muhammad Imarah (Adian dan Nuim, 2002: 23)

Di Algeria muncul Muhammad Arkoun (lahir 1928) yang menetap di Perancis, ia mengasas tafsir Quran model baru yang didasarkan pada pelbagai disiplin Barat seperti dalam lapangan semiotika (ilmu tentang fenomena tanda), antropologi, falsafah dan linguistik. Beliau ingin menelaah Islam berdasarkan ilmu-ilmu pengetahuan Barat moden. Dia ingin menyatukan kepelbagaiannya pemikiran Islam dengan pemikiran di luar Islam.

Di Pakistan muncul Fazlur Rahman (lahir 1919) yang menetap di Amerika dan menjadi profesor di Universiti Chicago. Dia mempelopori tafsir konstekstual, satu-satunya model tafsir yang adil dan terbaik menurutnya. Menurutnya, Quran itu mengandungi dua aspek: *legal spesifik* dan *ideal moral*. Yang difokuskan oleh Quran adalah ideal moralnya, kerana itu ianya yang lebih baik untuk diterapkan ( Laman Web Salafyoononline, di url: <http://www25.brinkster.com/salafyoononline/content.html> seperti yang dilayari pada 16 Jun 2003).

Di Indonesia lahir satu gerakan yang disebut kaum *Neo-Modernis* pada akhir 1960-an dan awal 1970-an. Greg Barton di samping menyebutnya kaum liberal, juga menyebut mereka dengan istilah pembaharu pemikiran Islam akomodasionis, substansialis dan progresif.

Tokoh-tokoh pusat gerakan ini ialah Nurcholis Majid, Djohan Efendi, Ahmad Wahib dan Abdurrahman Wahid (Greg Barton, 1999: 22), dan juga Harun Nasution (Adian dan Nuim, 2002: 26).

Mereka adalah tokoh dan sumber rujukan pertama Jaringan Islam Liberal (JIL). Walaubagaimanapun Nurcholis sendiri tidak pernah menggunakan istilah Islam Liberal untuk mengembangkan gagasan-gagasan pemikiran Islamnya, tapi beliau tidak menentang idea-idea Islam Liberal (Adrian dan Nuim, 2002: 2-3).

#### SEJARAH PENUBUHAN JARINGAN ISLAM LIBERAL (JIL)

Meskipun nama Islam Liberal baru dikenali, sebenarnya Islam Liberal bukanlah suatu pemikiran baru. Di Indonesia pemikiran Islam Liberal telah diasaskan oleh Harun Nasution, Nurcholish Madjid, Munawir Sjadjali dan Abdurrahman Wahid. Golongan ini yang muncul pada tahun 1970-an dan 1980-an menyebarkan idea ‘Pembaharuan Islam’, dianggap sebagai Islam rasional, mengkaji semula syariah dan sekulerisasi. Namun, menurut Ulil Abshar kepada majalah *Gatra*, para perintis itu gagal memasyarakatkan gagasan Islam Liberal. ([alislam.or.id](http://www.alislam.or.id/) di url: <http://www.alislam.or.id/artikel/arsip/.html> seperti yang dilayari pada 3 Julai 2002).

Kegagalan itu antara lain disebabkan kerana pengurusan yang tidak terancang. Menurut Luthfi Assyaukanie, gerakan Islam Liberal sebelum ini terlalu *elitis* (tidak dikenal masyarakat). Gagasan itu lebih banyak dibawa kalangan akademik yang tidak berhubungan langsung dengan masyarakat sehingga pandangan umum masyarakat tetap dikuasai oleh kalangan Islam ‘*konservatif*’ yang memiliki hubungan dengan masyarakat. Oleh kerana itu, kalangan JIL merasa perlu memiliki jaringan kuat, agar pemikiran liberal boleh bersaing dengan pemikiran kaum *revivalis* (Salaf). Dengan kata lain, Islam liberal adalah tandingan Islam *revivalis*.

Jaringan Islam Liberal atau singkatannya JIL ini, ditubuhkan pada Mac 2001. Aktiviti awal dilakukan dengan mengadakan kelompok diskusi maya (*Mailing List*) yang tergabung dalam [islamliberal@yahooroups.com](mailto:islamliberal@yahooroups.com), selain menyebarkan gagasannya melalui laman website: [www.islamlib.com](http://www.islamlib.com) (Adian dan Nuim, 2002: 4).

JIL berpusat di Jl Utan Kayu 68 H, Rawamangun, Jakarta Timur. Di tempat ini juga Institut Studi Arus Informasi (ISAI) berpusat. ISAI banyak menerbitkan buku-buku kiri yang berisi pembelaan terhadap PKI (Partai Komunis Indonesia) dan tokoh-tokohnya. Pentadbiran JIL sendiri dipegang oleh beberapa pemikir muda, seperti Ulil Abshar

Abdalla (*Lakpesdam NU*), Luthfi Assyaukanie (*Universiti Paramadina Mulya*), dan Ahmad Sahal (*Jurnal Kalam*) (Adrian dan Nuim, 2002: 5).

#### AKTIVITI UTAMA JARINGAN ISLAM LIBERAL (JIL)

JIL mendapat bantuan kewangan dari *Asia Foundation* dan mereka telah menjalankan pelbagai cara untuk menyebarkan gagasan Islam Liberal. Bermula dari forum, diskusi, media cetak hingga media elektronik. Media internet merupakan media paling utama sebagai wasilah penyebaran fikrah mereka.

Ada empat aktiviti utama JIL yang digunakan sebagai perantara dalam menyampaikan mesej mereka kepada masyarakat ramai:

##### 1. Gabungan Penulis Islam Liberal

Iaitu pengumpulan tulisan sejumlah tokoh yang selama ini dikenal oleh masyarakat para pembela Islam Liberal. Kumpulan ini menyediakan bahan-bahan tulisan, wawancara dan artikel yang akan dimuat pelbagai media massa daerah. Antara media massa utama adalah: Akhbar *Kompas*, *Tempo*, *Republika* dan Majalah *Tempo*. Selain melalui majalah seperti *Tempo* dan *Gatra*, JIL mendapat tempat pemberitaan besar di akhbar Jawa Pos dan 40 akhbar daerah yang tergabung dalam Jawa Pos-Net, dengan nama Kajian Utan Kayu. Setiap hari Ahad JIL mendapat bahagian satu halaman penuh untuk diisi tulisan para pendukung idea Islam Liberal, antaranya ialah Nurcholish Madjid, Azyumardi Azra, Jalaluddin Rakhmat dan Masdar F Mas'udi ([alislam.or.id](http://www.alislam.or.id/artikel/arsip/.html) di url: <http://www.alislam.or.id/artikel/arsip/.html> seperti yang dilayari pada 3 Julai 2002).

##### 2. Talkshow di radio 68H

Talkshow dilakukan dengan mengundang sejumlah tokoh penyebar misi Islam Liberal untuk berbicara tentang pelbagai isu sosial-keagamaan di Tanah Air. Program ini diadakan setiap minggu dan disiarkan oleh seluruh jaringan radio 68H di seluruh Indonesia. Talkshow ini diikuti oleh 10 radio; Radio Attahiriyah FM (radio Islam), radio Muara FM (radio dangdut), radio Star FM (Tangerang), radio Ria FM (Depok), radio Smart (Menado), radio DMS (Maluku), radio Unisi (Yogyakarta), radio PTPN (Solo), radio Mara (Bandung), radio Prima FM (Aceh) (al-Anshori, 2003: 15).

### 3. Penerbitan buku-buku

Buku-buku setebal 40-50 halaman ini berisi wawancara, atau ringkasan dari tulisan yang sudah ada, berisi tentang masalah-masalah yang sering mereka perdebatkan dengan musuh-musuh mereka, terutamanya yang mereka berikan jolokan Islam Fundamentalis. Buku-buku ini diterbitkan dua bulan sekali dan dicetak sebanyak 1000 buah.

### 4. Laman islamlib.com

Program ini di alamatkan Mailing List Islam liberal [islamliberal@yahoogroups.com](mailto:islamliberal@yahoogroups.com). Semua program kemenan di atas dimuat dalam laman ini. Laman ini juga memuat setiap perkembangan berita dan artikel yang ada hubungkaitnya dengan misi Jaringan Islam Liberal (JIL)( al-Anshori, 2003: 16).

### PRINSIP PERJUANGAN JARINGAN ISLAM LIBERAL (JIL)

Adapun prinsip-prinsip yang mereka perjuangkan sebagaimana yang mereka sendiri agendakan adalah seperti yang mereka ungkapkan bahawa: Islam liberal adalah suatu bentuk penafsiran baru berasarkan wawasan berikut:

#### 1. Keterbukaan pintu ijтиhad pada semua bidang.

Islam Liberal (IL) percaya bahwa "ijтиhad" atau pemikiran rasional terhadap teks-teks keIslamahan adalah prinsip utama yang memungkinkan Islam terus boleh bertahan pada setiap zaman. Penutupan pintu ijтиhad, baik secara terhad atau secara keseluruhan, adalah ancaman ke atas Islam itu sendiri, sebab dengan demikian Islam akan hancur dengan sendirinya. IL percaya bahwa ijтиhad boleh diselenggarakan dalam hampir semua segi, baik segi *ilahiyat* (teologi), *'ubudiyyat* (ritual), atau *mu'amalat* (interaksi sosial). Ruang ijтиhad dalam bidang *'ubudiyyat* memang lebih sempit dibanding dengan ijтиhad di dua bidang yang lain.

#### 2. Penekanan pada semangat *religio-etik*, bukan pada makna literal sebuah teks.

Ijтиhad yang dikembangkan oleh IL adalah menafsirkan Islam berasaskan semangat *religio-etik* Quran dan Sunah Nabi, bukan menafsirkan Islam semata-mata berdasarkan makna literal sebuah teks. Penafsiran yang literal hanya akan 'membunuh' Islam. Hanya dengan

penafsiran yang mendasarkan diri pada semangat *religio-etik*, Islam akan dapat hidup dan berkembang secara berkesan menjadi sebahagian dari peradaban kemanusiaan universal.

3. Kebenaran yang relatif, terbuka dan *plural*.

IL mengasaskan diri pada gagasan tentang kebenaran (dalam penafsiran keagamaan) sebagai sesuatu yang relatif kerana penafsiran adalah kegiatan manusia yang terhad, di mana setiap bentuk penafsiran memberikan kemungkinan salah atau benar. Sebuah penafsiran keagamaan adalah cermin dari keperluan seseorang penafsir di suatu masa dan tempat yang sentiasa berubah.

4. Pembelaan pada kaum minoriti dan tertindas.

IL menekankan kepada suatu penafsiran keislaman yang membela golongan minoriti, tertindas dan diketepikan. Setiap struktur sosial-politik yang mengekalkan praktik ketidakadilan terhadap golongan minoriti adalah bercanggah dengan semangat Islam. Minoriti di sini difahami dalam maknanya yang luas, mencakup minoriti agama, etnik, ras, budaya, politik, ekonomi, orientasi seksual, dan lain-lain. Keadilan gender adalah satu masalah yang kami anggap penting, sebab struktur sosial kita masih didasarkan pada gagasan *patriarkal* (sempit) yang bercanggah dengan idea keadilan dalam Islam.

5. Kebebasan beragama dan berkepercayaan.

IL menganggap bahawa urusan beragama dan tidak beragama adalah hak individu yang harus dilindungi. IL tidak boleh mendakwa kebenaran terhadap mana-mana kepercayaan atau agama. Di mana mereka mendakwa bahawa setiap agama adalah sama, dan semuanya menyeru kepada kebaikan.

6. Pemisahan otoriti duniawi dan ukhrawi, otoritas keagamaan dan politik.

IL percaya pada keharusan pemisahan antara kekuasaan keagamaan dan politik. IL tidak membenarkan gagasan tentang negara agama di mana otoriti seorang ulama atau guru dipandang sebagai kekuasaan tertinggi yang tidak boleh dipersalahkan. Bentuk negara yang sihat untuk pertumbuhan agama dan politik adalah suatu negara di mana dua kuasa itu dipisahkan. Agama adalah sumber inspirasi yang dapat mempengaruhi kebijakan orang awam, tetapi agama tidak mempunyai

*privelese transederal* (hubungan khas dengan Tuhan) yang tak boleh disangkal untuk menentukan segala bentuk kebijakan orang awam. Pada akhirnya, agama adalah bekerja untuk masyarakat dan individu. Urusan awam diselenggarakan melalui proses ijтиhad kolektif, di mana pelbagai pihak boleh saling menyangkal, di mana kebenaran ditentukan secara induktif melalui adu dan uji pendapat (Laman Web islamlid.com di url <http://www.id.islamlid> seperti yang dilayari pada 7 Oktober 2002)

Prinsip-prinsip di atas adalah misi perjuangan generasi awal Islam Liberal, baik di Indonesia sendiri seperti Nurcholis dan Harun atau Islam Liberal di dunia secara umumnya. Jadi idea-idea yang dijual sudah tidak laku. Namun, mereka kembali membungkusnya dengan kemasan baru (al-Anshori, 2003: 17).

Prinsip-prinsip ini sangatlah disukai oleh musuh-musuh Islam, kerana itulah sebahagian daripada perperangan global terhadap Islam, sehingga mereka tidak perlu lagi campur tangan secara langsung, tetapi cukup dengan menggunakan ‘tangan-tangan ghaib’ umat Islam sendiri untuk menghadang *sahwah Islamiyah* (kebangkitan Islam) di dunia Islam (Sa‘id, 1992: 12).

Hal ini jelas bagaimana ketika Greg Barton, seorang orientalis memuji Islam Liberal dengan mengatakan bahawa prinsip-prinsip Islam Liberal merupakan ‘berkat’ dari globalisasi dan sebuah fenomena unik dalam dunia Islam dewasa ini (Barton, 1999: xxi).

#### FAHAMAN-FAHAMAN SESAT JARINGAN ISLAM LIBERAL (JIL)

Antara fahaman-fahaman sesat JIL ialah:

a. Teologi inklusifisme dan pluralisme agama

Inklusifisme menegaskan bahawa kebenaran setiap agama harus terbuka, serta menghindari perasaan penghuni tunggal kebenaran agama yang dianut. Menurut fahaman ini tidak menutup kemungkinan ada kebenaran pada agama lain, dan sebaliknya terdapat kekeliruan pada agama yang kita anuti.

Sedangkan Pluralisme beranggapan bahawa setiap agama adalah jalan keselamatan. Perbezaan agama satu dengan yang lainnya hanyalah masalah teknik, bukannya perkara dasar. Pandangan Plural ini tidak hanya terhad pada sikap terbuka, bahkan juga sikap *paralelisme*, iaitu sikap yang memandang semua agama sebagai jalan-jalan yang sejajar. Selanjutnya Inklusif-Pluralis digunakan untuk

menunjukkan faham keberagamaan yang didasarkan pada pandangan bahawa agama-agama lain yang ada di dunia ini juga mengandungi kebenaran dan dapat memberi manfaat serta keselamatan bagi pengikutnya (Abudin, t.th: 188).

Dalam majalah *Gatra* edisi 21 Disember 2002, Ulil Abshar Abdalla, koordinator JIL Jakarta membuat pernyataan: "Semua agama sama. Semuanya menuju jalan kebenaran. Jadi, Islam bukan yang paling benar."

Konsep teologi Inklusif-Pluralis ini telah diterapkan di sekolah-sekolah Paramadina (*Madania School*) yang diasaskan oleh Nurchalis Madjid. Secara sederhana, aplikasi konsep ini di sekolah-sekolah Paramadina dimulai dengan menghormati orang yang berbeza agama dan tidak menghina mereka. Orang yang berbeza agama kemudian tidak diberi jolokan "kafir". Juga tidak menyebut agama lain itu sesat dan menyesatkan.

Selama ini umat Islam selalu berpegang teguh kepada ayat 19 dan 85 dalam surah Ali 'Imran, iaitu keyakinan bahawa jalan kebenaran dan jalan keselamatan (*the truth and salvation*) bagi manusia hanyalah dapat diikuti melalui "jalan Islam". Keyakinan seperti inilah yang kini dirosak melalui penyebaran teologi Inklusif-Pluralis. Padahal, semestinya dibangun keyakinan bahawa hanya agama Islam sahaja yang benar. Seorang yang meragukan kebenaran agamanya sendiri, tentu dengan mudah melepaskan diri dari aturan-aturan atau syariat agamanya, sehingga dengan mudah melakukan dosa dan maksiat, bahkan juga murtad dan keluar dari agamanya.

#### b. Negara sekular

Revolusi Perancis (1789) merupakan episode terakhir penguasaan gereja ke atas negara. Berakhirnya kekuasaan gereja dari sejak pop Gregorius VII (1072-1085) mengatakan, "Sesungguhnya gereja ialah penguasa tunggal alam penerima perintah langsung dari Allah, dan sesungguhnya gereja terpelihara dari segala dosa, tidak pernah akan salah dan keliru selamanya."

Itulah revolusi yang di antara semboyannya: Gantunglah raja kita yang terakhir dengan usus pendeta terakhir. Revolusi yang melemparkan para pemuka agama ke lorong-lorong gereja yang gelap, dan menjauahkan mereka dari lapangan kehidupan, khasnya dalam kancang penggubalan hukum-hakam dan undang-undang. Dari sinilah bermula pemisahan agama dan dunia, dan antara agama dengan negara (sekularisme) di Eropah, ﷺ وَمَا لِقِيْصِرٍ لِقِيْصِرٍ, render unto the Caesar

what the Caesar's and to the God what the God's (serahkan apa yang menjadi hak Kaisar kepada Kaisar dan apa yang menjadi hak Tuhan kepada Tuhan) (al-Kaylani, 1987: 122)

Sesungguhnya fahaman negara sekular adalah fahaman yang berasal daripada Barat. Ketika mereka merasakan bagaimana para pemuka agama menjadikan agama sebagai alat untuk mempertahankan kekuasaan mereka, dan di atas nama agama mereka memakan harta rakyat dan mendakwa para pembangkang adalah golongan yang berdosa dan melawan firman tuhan. Hingga hal Sayyid Qutub menyatakan zaman di Eropah ketika itu dengan ‘Zaman kehancuran yang teruk’ (Qutub, 1973: 32).

Keadaan inilah yang menyebabkan lahirnya gerakan pemisahan agama dan urusan dunia, atau agama dan negara. Dengan istilah lebih tepat, pemisahan antara gereja dan realiti kehidupan. Akhirnya agama hanya merupakan sebuah simbol hubungan antara manusia dengan tuhannya sahaja, tidak lebih dari itu.

Inilah yang mendasari fahaman sekular dalam agama Nasrani, akan tetapi apa ertiinya bagi kita umat Islam? Bagi orang yang berpandangan sihat dan objektif akan memahami secara jelas bahawa Islam baik dari sisi sejarah mahupun substansinya tidak mengenal pemisahan agama dan negara. Umat Islam tidak pernah melalui zaman *al-fushom al-nakid* yang mengharuskan pemisahan agama dan negara. Hubungan antara agama dan negara di Eropah pada abad-abad pertengahan dahulu merupakan simbol kekuasaan, kesombongan, penindasan dan fanatisme para pemuka agama. Akan tetapi dalam zaman keemasan Islam justeru terjadi sebaliknya, menjadikan ulama memiliki kesedaran penuh bahawa mereka adalah pewaris takhta kenabian yang menuntut untuk mencontohi baginda Rasulullah s.a.w, dan sesungguhnya mereka adalah para penunjuk jalan bagi manusia kepada kebaikan, di atas bahu-bahu mereka dibebankan amanah dalam mengembang risalah Islam. Sejarah telahpun mencatat perilaku dan contoh-contoh istimewa yang menunjukkan pengorbanan mereka dalam memperjuangkan hak dan keadilan. Hal inilah yang banyak tidak disedari oleh para pembawa panji sekularisme.

Kaum Liberal Islam secara tegas menyatakan mendukung suatu negara sekular. Mereka berpandangan, jika syari'at Islam diterapkan dalam kehidupan berbangsa dan bernegara, maka prinsip negara sekular akan runtuhan, dan negara itu berganti menjadi negara anti demokrasi.

Satu ungkapan dari salah seorang tokoh Islam Liberal, Muslim Abdurrahman ketika memberikan jawapan apabila syariat Islam ditegakkan mengatakan bahawa:

Banyak dampak negatif yang akan muncul dari pemakaian penerapan syari'at Islam di Indonesia. Dari soal kemiskinan, ketidakadilan hukum, hingga perampasan hak-hak kewarganegaraan akibat sentralisme kekuasaan pada hanya satu penafsiran. Korban pertama yang akan jatuh akibat penerapan syariat Islam itu adalah perempuan, kerana banyak sekali regulasi dalam Islam yang membatasi ruang gerak kaum perempuan. (Luthfi, 2002: 109).

### c. Kebenaran relatif

Mengikut fahaman ini, bahawa setiap informasi tidak ada yang tidak boleh dikritik. Semuanya boleh dipersoalkan bahkan diragukan kebenarannya. Bila kaedah ini diterima, maka pada pendapatnya wahyu yang merupakan informasi dari Allah pun perlu dipersoalkan kebenarannya. Pegangan sebegini ini boleh membawa kepada kekufturan. Maka tidak hairanlah sekiranya terdapat di antara mereka yang meragukan kebenaran Quran, atau mengatakan bahawa Quran itu adalah ciptaan setelah hijrah. Dan itu kemudian diperkuat lagi oleh Schacht yang mempersoalkan bagaimana Quran itu sampai kepada kita sekarang ini. (Luthfi, 2002: 181)

## CONTOH-CONTOH PENYELEWENGAN JARINGAN ISLAM LIBERAL DALAM PENTAFSIRAN QURAN

### a. Teologi inklusif-pluralis

Ketika dibuka pada 13 Januari 2002, dalam laman [www.islamlib.com](http://www.islamlib.com) terdapat tulisan Budy Munawar Rachman yang berjudul "Memudarnya Kerukunan Hidup Beragama, Agama-agama Harus Berdialog". Tulisan Budy Munawar Rachman itu sebenarnya hampir sama dengan tulisannya di harian Republika, 24 Jun 2000, yang diberi tajuk "Mengembalikan kerukunan Umat Beragama", di antara pendapat dan dalil tentang teologi Inklusif-Pluralis seperti yang ia ungkapkan:

"Dalam pemikiran Islam, masalah ini juga terjadi secara ekspresif. Walaupun dalam Islam sejak awal sudah ada konsep ahlul kitab 'ahli kitab' yang memberi kedudukan kurang lebih setara pada kelompok non muslim, dan ini dibenarkan oleh al-Qur'an sendiri. Tetapi selalu saja ada interpretation away, sebuah cara penafsiran, yang pada akhirnya textual Kitab Suci. Misalnya, yang jelas-jelas mendukung keterbukaan terhadap keberadaan dan

keselamatan agama-agama lain. Penafsiran eksklusif dalam Islam bisa muncul misalnya dalam pembacaan ayat berikut: Sesungguhnya agama (yang diridai) di sisi Allah hanyalah agama Islam Barang siapa mencari agama selain dari agama Islam, maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi. Padahal kalau ayat ini dibaca dengan semangat inklusif, semangat agama universal (al-Dīn al-jāmi') dengan mengembalikan makna Islam di sini dalam arti generiknya sebagai ‘pasrah sepenuhnya (kepada Allah)’, maka maknanya akan berbeza sekali. Yakni, agama yang diterima di sisi Allah adalah agama yang membawa kepasrahan kepada-Nya, maka agama itu tidak akan diterima, dan ia di akhirat termasuk orang yang rugi.” (Laman Web islamlib.com di url: <http://www.islamlib.com> seperti yang dilayari pada 13 Januari 2002).

Quran (al-Bayyinah 98: 6) sudah pun menegaskan bahawa orang-orang kafir (baik Ahli Kitab mahupun selain mereka) akan menjadi penghuni neraka.. Kekufuran Yahudi dan Nasrani sangatlah jelas. Kerana itu, amatlah menghairankan jika muncul orang-orang yang melakukan kempen bahawa inti semua agama atau bahkan agama itu sendiri adalah sama. Para penganut teologi sesat ini menggunakan ayat-ayat Quran berikut:

Surah al-Baqarah 2: 62:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصَارَىٰ وَالصَّابِئِينَ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرٌ مُّغْرِبٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا حَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزُنُونَ

2.Surah al-Mā'idah 5: 69·

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِئُونَ وَالنَّصَارَىٰ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَا حَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزُنُونَ

Sekiranya kita merujuk tafsiran ayat-ayat di atas dari pendapat para ulama, akan berbeza sekali dengan tafsir yang diada-adakan oleh kalangan Islam Liberal. Mengenai ayat Quran (2: 62), Imam Ibnu Kathir memberikan penjelasan bahawa lafaz Islam di dalam ayat ini adalah sebuah agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad (s.a.w), kerananya menurut beliau,

“Kaum Yahudi adalah mereka yang berpegang teguh kepada Taurat dan kenabian Musa (a.s) sampai datangnya Isa (a.s), jika mereka tidak mengikuti Isa (a.s) maka mereka adalah orang-orang yang binasa. Sedangkan kaum Nasrani adalah yang berpegang teguh kepada Injil dan mengikuti syariat Isa (a.s) dan mereka dikatakan orang-orang beriman, dan ketika Muhammad (s.a.w) datang, apabila mereka tidak mengikutinya, maka mereka termasuk orang-orang binasa.” (Ibn Katsir, 1401H, 1: 104).

Ibn Kathir mengatakan bahwa hal ini dikuatkan dengan turunnya ayat ke 85 surah Ali 'Imran selepas ayat di atas, yang memberi penjelasan bahawa Allah tidak akan menerima mana-mana agama, jalan ataupun amalan seseorang kecuali jika sesuai dengan syari'at Muhammad (s.a.w) setelah beliau diutus dengan risalah-Nya, adapun sebelum kebangkitannya maka semua yang mengikuti rasul pada zamannya, maka ianya dalam petunjuk, berada pada jalan yang benar dan selamat.

Imam Muslim dalam sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ يَبْدِئُ لَا يَسْمَعُ بِهِ أَحَدٌ مِّنْ هَذِهِ الْأُمَّةِ يَهُودِيٌّ وَلَا نَصَارَىٰ  
تَمْ يَمُوتُ وَلَمْ يَؤْمِنْ بِالَّذِي أُرْسِلَتْ بِهِ إِلَّا كَانَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ.

(Muslim ibn al-Hajjāj, t.th, 1. 134).

Maksudnya: Demi (zat) yang jiwaku ditangan-Nya, setiap orang yang telah mendengar risalahku baik ia Yahudi atau Nasrani kemudian ia mati dalam keadaan tidak beriman kepada risalahku, maka dia pasti masuk neraka.

Quran juga begitu jelas menyatakan tentang kekafiran dan kesesatan kaum Yahudi dan Nasrani ketika Nabī Muhammad (s.a.w) diutus dalam firman Allah (al-Mā'idah 6:73):

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ ثَالِثُ تَلَاهُتْ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلَّا إِلَهٌ وَاحِدٌ وَإِنْ لَمْ يَنْتَهُوا عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمْسِنَ الدِّينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Banyak lagi ayat Quran yang menjelaskan bahawa kaum Yahudi dan Nasrani-saat Islam dilahirkan- sudah berada di dalam kesesatan. Mereka mengubah kitab suci mereka. Maka, kaum Nasrani disebut kaum yang sesat dan kaum Yahudi kaum yang dimurkai oleh Allah. Penjelasan yang komprehensif dan lengkap tentang hal ini juga disebutkan di antaranya oleh Shaykh Islam Ibn Taymiyah dalam kitabnya *al-Jawāb al-Sāḥih liman baddala dīn al-Masīh* dan kitab *Iqtida' Sirāt al-Mustaqīm Mukhalafah Ashāb al-Jahīm*.

#### b. Persamaan hak bagi wanita

Islam tentunya menghormati kaum perempuan, dimana hal tersebut tidak berlaku dalam ajaran-ajaran sebelum kedatangan Islam. Kedudukan perempuan begitu penting sehingga sering terdengar suatu ungkapan bahawa tegaknya suatu negara (kelompok) sangat tergantung dengan perilaku perempuan dalam kelompok tersebut. Mungkin ada yang menganggap ini berlebihan. Dalam ajaran Islam, lelaki dan

perempuan tidak dibezaikan peranannya dalam kehidupan bermasyarakat dan beragama. Keduanya memiliki kesempatan yang sama dalam berusaha berbuat yang terbaik bagi diri, keluarga dan masyarakatnya. Jelasnya, Quran tidak membezakan perlakuan terhadap lelaki dan perempuan. Beberapa ayat menjelaskan hal tersebut:

Sebagaimana firman Allah dalam Quran (al-Nisa' 4:124):

وَمَنْ يَعْمَلْ مِنَ الصَّالِحَاتِ مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا  
يُظْلَمُونَ تَقْرِيرًا

Maksudnya: Dan sesiapa yang mengerjakan amal soleh dari lelaki atau perempuan sedangkan dia beriman maka mereka itu akan masuk syurga dan mereka pula tidak akan dianaya (Atau dikurangkan balasannya) sedikitpun.

Dan firman Allah dalam Quran (al-Nahl 16: 97):

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنَجْزِيَنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ  
أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: Sesiapa yang beramal soleh dari lelaki atau perempuan, sedangkan dia beriman maka sesungguhnya kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membalaas mereka dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan..

Begitu sempurnanya Quran meghormati hak-hak perempuan, mengangkat darjah mereka yang sebelumnya dihinakan, diperniagakan, dijadikan harta warisan, bahkan dikubur hidup-hidup. Selain ayat-ayat di atas, masih banyak lagi ayat-ayat dalam Quran yang menunjukkan tidak adanya pembezaan antara laki-laki dan perempuan dalam hubungannya dengan pekerjaan, amal dan tindakan.

Ada beberapa isu yang diangkat oleh para pemikir Islam Liberal yang berkaitan dengan slogan persamaan hak bagi wanita, di antaranya:

### 1. Penciptaan Hawa

Menurut Ibnu Kathir *rahimahullah* terdapat empat konsep penciptaan, iaitu:

- Penciptaan Adam (a.s) dari tanah, tanpa ayah dan tanpa ibu
- Penciptaan Hawa melalui lelaki tanpa wanita
- Penciptaan Isa (a.s) melalui seorang wanita tanpa lelaki

- d. Penciptaan manusia selain Adam, Hawa dan Isa (a.s) melalui lelaki dan wanita.

(Ibn Kathir, 1401, 1.368).

Tentang empat konsep penciptaan ini sudah merupakan ijmak para ulama Islam berdasarkan dalil-dalil kuat, baik daripada Quran ataupun Sunah. Para ulama sepakat bahawa Hawa diciptakan dari Adam (a.s), dan diciptakan setelah penciptaan Adam (a.s). Ayat-ayat yang menjadi sandaran akan hal ini di antaranya:

1. Quran (al-Nisa' 4:1) :

يَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا رُوْجَهَا وَتُثْرِثُ  
مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَتَقُوا اللَّهُ الَّذِي تَسْأَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ  
رَقِيبًا

Maksudnya: Wahai sekalian manusia, bertakwalah kepada Tuhan-mu yang telah menciptakan kamu bermula dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada Adam itu pasangannya (Isterinya Hawa) dan juga yang membiakkan dari keduanya zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai.

2. Quran (al-A'raf 7:189):

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا رُوْجَهَا لَيْسُكُنَّ إِلَيْهَا

Maksudnya: Dialah (Allah) yang menciptakan kamu semua dari (hakikat) diri yang satu, dan Dia mengadakan daripada hakikat itu pasangannya (diri suami-isteri) untuk bersenang hati dan hidup mesra antara satu sama lain.

3. Quran (al-Zumar 39: 6):

خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْهَا رُوْجَهَا وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنَ الْأَنْعَامِ ثَمَانِيَةً أَرْوَاجٍ

Maksudnya: Dia menciptakan kamu dari diri yang satu (Adam) Kemudian Dia menjadikan daripadanya – Isterinya Hawa, dan dia mengadakan untuk kamu binatang-binatang ternak sebanyak lapan ekor (empat pasangan, jantan dan betina).

Tiga ayat Quran tersebut dengan gaya yang sama (نفس واحدة) dijadikan pedoman oleh para ulama tafsir tentang penciptaan Hawa, terutamanya pada surah al-Nisa' ayat pertama. Mereka sepakat bahawa diertikan dengan Adam. Dan *damir* (ها) pada kata sudah منها sangat jelas sekali kembali kepada روجها sedangkan نفس واحدة

maksudnya pasangan atau isteri Adam (a.s) iaitu Hawa, maka tafsir ayat menurut para ulama ialah: Dan Allah menciptakan pasangan atau isterinya iaitu Hawa dari نفس واحدة یا ایا Adam (a.s)." Ayat ini menerangkan bahawa pasangan (زوج) tersebut diciptakan dari نفس واحدة، atau Adam, erti Hawa diciptakan dari tubuh nabi Adam sendiri. Hal ini seperti diungkapkan oleh Imam para mufassir seperti al-Tabari, al-Qurtubi, Ibn Kathir, Ibn al-Jawzi dan ulama kontemporer Syaikh Yusuf Qaradawi (al-Tabari, 4:223; al-Qurtubī, 5: 2; Ibn Kathir, 1. 449, 138 dan Ibn al-Jawzī, 2:1).

al-Tabrasi salah seorang ulama tafsir terbesar dalam mazhab Syiah, bahkan mengungkapkan bahawa seluruh ulama tafsir sepakat mengertikan kata *nafs wahdah* dengan nabi Adam (a.s) (Quraish, 1996: 299).

Tentang asal penciptaan Hawa ini, juga dikuatkan oleh Hadis Rasulullah (s.a.w) yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, (al-Bukhārī, 1987, 3:1212. Muslim, t.th. 2:1091).

استوصوا بالنساء فإن المرأة حلت من ضلع وإن أعوج شيء في الضرع أعلاه فإن  
ذهبت تقيمه كسرته وإن تركته لم يزل أعوج فاستوصوا بالنساء

Maksudnya: Berlemah lembutlah kalian terhadap kaum wanita, kerana wanita itu dicipta dari tulang rusuk. Dan sesungguhnya tulang rusuk yang paling bengkok itu yang paling atas. Bila kamu ingin meluruskannya, maka kamu akan mematahkannya, dan bila kamu membiarkannya, maka ia akan tetap bengkok, maka (sekali lagi) berlemah lembutlah.

Berbeza dengan jumhur ulama, para penyokong Islam Liberal dengan serta merta melemparkan tuduhan bahawa hal itu sangat bertentangan dengan kemuliaan wanita, dan menghinakan mereka. Kerananya harus ada pentafsiran semula, seperti ungkapan Amina Wadud Muhsin(Kurzman), 2003:185)

Tafsir tersebut ditulis secara ekslusif oleh kaum lelaki. Hal ini berarti lelaki dan pengalaman kaum lelakilah yang dimasukkan dalam penafsiran itu. Sementara perempuan dan pengalamannya diabaikan, atau visi, perspektif, keinginan atau keperluan perempuan ditafsirkan menurut pandangan kaum lelaki. Dalam analisis terakhir, pembuatan paradigma dasar yang merupakan alat penelitian dan pembahasan al-Qur'an serta pemaknaan Qur'ani, dilakukan tanpa penyertaan serta pandangan kaum perempuan sebagai pihak pertama.

Mereka tidak hanya berprasangka buruk kepada para ulama tafsir yang mereka katakan menafsirkan al-Qur'an demi kepentingan laki-laki dan menghinakan perempuan, bahkan dengan berani membuat

kesimpulan bahawa al-Qur'an sendiri meletakan kaum perempuan sebagai kaum rendah, seperti ungkapan Azyumardi Azra (Luthfi 2002: 124):

Al-Qur'an turun di tengah budaya patriarkal, sehingga bias gender tidak bisa dielakkan. Al-Qur'an turun ditengah masyarakat Arab yang patriarkal. Masyarakat waktu itu bukan hanya tribal oriented (yang berorientasi kabilah), tetapi juga male oriented. Perempuan Arab, kita tahu, hampir tidak punya kedudukan apa-apa. Perempuan di mata keluarga adalah aib, sehingga hal ini yang menjadi salah satu alasan untuk mengubur hidup-hidup bayi perempuan.

Diantara alasan yang mereka kemukakan untuk menguatkan pendapat mereka, adalah:

1. Kata *nafs wahidah* tidak difahami dengan makna Adam tetapi diri yang satu atau jenis yang satu. Sehingga kata *zaujaha* walaupun diertikan dengan isteri atau pasangan, tapi damir *ha* dalam kata *minha* kembali ke *nafs wahidah* yang ertiannya jenis yang satu, sehingga pasangan Adam diciptakan pula dari bahan yang sama (Zaitunah Subhan, 1999: 50).

Bahkan Nazwar Hamid berpendapat lebih aneh lagi. Beliau menyimpulkan penciptaan Nabi Adam justeru dari wanita (*muannats*) seperti firman Allah yang bermaksud: Sesungguhnya contoh (penciptaan) Isa di sisi Allah, adalah seperti (penciptaan) Adam. Allah menciptakan Adam dari tanah, kemudian berfirman kepadanya: "Jadilah" (seorang manusia), maka jadilah dia. Penciptaan 'Isa sama dengan penciptaan Adam iaitu dari turab, dari seorang wanita yang sama-sama memakan sari tumbuhan (turab) (Nazwar, 1983:26).

Penafsiran aneh ini datang ketika memahami bahawa *nafs* adalah lafaz yang umum (boleh lelaki atau wanita). Jenis *nafs* bahkan bentuk *muannath* (dengan sifat *muannats* iaitu kata *wahidah*). Damir "ha" yang menunjukkan *muannath* menurutnya harus dikembalikan kepada perempuan juga bukan kepada Adam yang laki-laki.

2. Tidak ada satu ayat pun yang mendukung bahawa Hawa, dalam hal ini wanita pasangan Adam (a.s), diciptakan dari bahagian tubuh atau tulang rusuk Adam. Jadi, unsur kejadian Hawa dan Adam adalah sama.
3. Adapun Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim dengan serta merta mereka tolak. Mereka membuang pendapat para ulama tafsir dan lebih memilih pendapat Fatima Mernissi dan Riffat Hassan dua tokoh feminis radikal, yang keduanya menolak pandangan penciptaan Hawa dari tulang rusuk

Adam, dengan alasan bahawa konsep semacam ini datang dari Injil masuk melalui kepustakaan hadith yang penuh kontroversi, dan keduanya secara tegas menolak otensitas dan keabsahan hadith tentang penciptaan ini, walaupun bersumber daripada Sahih Bukhari dan Muslim.

*Shubhat* (syubhah-syubhah) yang mereka lemparkan tentang penciptaan Hawa di atas telah pun dijawab oleh Imam al-Alusi (r.a) dalam tafsirnya. Beliau mengatakan kalau penciptaan Hawa dari bahan yang sama dengan Adam iaitu tanah, maka manusia bukan diciptakan dari *nafs wāhidah* (jenis yang satu) tapi dari *nafsain* (dua jenis) dan ini bercanggah dengan nas Quran yang mengatakan bahawa *nafs wāhidah*, juga dengan nas dalam hadith sahih. Adapun anggapan mereka bahawa bentuk penciptaan Hawa dari Adam merendahkan martabat perempuan menurut beliau hanyalah *wahm khālis* (hanya prasangka semata-mata). Menurut beliau, di samping banyak hikmah yang Allah sembunyikan kepada kita, ianya untuk menunjukkan bahawa Allah mampu untuk mencipta benda hidup dari benda yang hidup pula tanpa dengan melahirkan atau berkembang biak, sebagaimana Allah mampu mencipta benda hidup (Adam) dari benda mati (Tanah). Kalau Allah mampu mencipta dari tanah lalu tidak boleh mencipta dari selainnya, nescaya Allah akan menciptakan semua manusia ini langsung dari tanah seperti Adam (a.s) tanpa perantaraan (melahirkan), kerana kalau Allah mampu mencipta Adam dari tanah begitu pula dengan seluruh manusia, dan kita balik bertanya: Mengapa Allah menciptakan manusia tidak seperti penciptaan Adam (a.s) langsung dari tanah? Jawapan yang kalian berikan merupakan jawapan dari pertanyaan ‘mengapa Hawa dicipta dari tulang rusuk Adam padahal Allah mampu menciptanya dari tanah seperti Adam?’ (al-Alusi, 1270H, 4:181).

## 2. Jilbab

Ketentuan hukum Allah tentang pakaian wanita di dalam Quran secara khas, diatur dalam dua surah dalam Quran iaitu al-Nur 24 dan al-Ahzab 33..

### 1. Quran (al-Nur 24: 31):

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْ مِنْ أَنْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ رِيَّتَهُنَّ إِلَّا مَا  
ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَصْرِنَ بِحُمْرِهِنَّ عَلَى جِبْوِهِنَّ

Maksudnya: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka

2. Quran (al-Ahzab 33: 59):

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَسَاءِ الْمُؤْمِنَاتِ يُدِينُنَّ عَلَيْهِنَّ مِنْ حَلَابِهِنَّ ذَلِكَ  
أَذْنِي أَنْ يُعْرَفَ فَلَا يُؤْذِنَ وَكَانَ اللَّهُ عَفُورًا رَّحِيمًا

Maksudnya: Wahai Nabi suruhlah isteri-isterimu, dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya semasa mereka keluar, cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu, mereka tidak diganggu. Dan ingatlah Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi.

Di samping ayat-ayat Quran di atas, keterangan-keterangan di dalam Hadis sangat jelas, sehingga tidak mungkin untuk berbeza pendapat lagi. Sudah menjadi kesepakatan para ulama bahawa seluruh tubuh wanita adalah aurat yang wajib ditutup, kecuali muka dan dua telapak tangannya. Yang diperselisihan ulama adalah muka dan dua tangan, adakah termasuk aurat atau bukan. Menurut mazhab Syafii dan mazhab Hanbali, seluruh tubuh wanita adalah aurat tanpa kecuali. Sedangkan menurut Imam Malik dan Abu Hanifah, muka dan tangan wanita tidak termasuk aurat (al-Šābūnī, 1977, 2: 154).

Dari surah al-Ahzab di atas dengan mudah dapat difahami bahawa kewajipan memakai *jilbab* bukan hanya kepada isteri-isteri Nabi dan anak-anak perempuannya, tetapi kewajipan itu ditunjukkan kepada seluruh wanita muslimah seperti yang dinyatakan secara tegas dalam Quran. Kemudian apakah yang dimaksud dengan *jilbab* dalam ayat di atas? Untuk mengetahuinya secara benar sebaiknya kita merujuk kepada kamus-kamus Bahasa Arab agar tidak tidak terkeluar daripada kaedah bahasa.

Menurut bahasa *jilbab* ertinya pakaian yang menutupi seluruh tubuh. Di dalam kamus karya Ibn Manzur disebutkan bahawa *jilbab* ialah pakaian yang digunakan perempuan untuk menutup kepala, belakang dan dadanya (Ibn Manzūr, 1:273)

Terjemahan Quran yang disediakan oleh Departemen Agama Yayasan Penyelenggara Penterjemah/Pentafsir Quran, di Indonesia juga menyebutkan erti *jilbab* ialah sejenis baju kurung yang lapang dan

dapat menutupi kepala, muka, dan dada (Departemen Agama, 1996: 678).

Berbeza dengan para ulama Islam, kaum Islam Liberal memberikan tafsiran sendiri mengikut akal dan metode yang diambil dari Barat seperti metode hermeneutik sehingga membuat kesimpulan yang jauh terpesong dari kesepakatan para ulama. *Jilbab* menurut mereka hanyalah pakaian budaya, khasnya budaya Arab.

Quran itu disusun dan diatur mengikut konteks bangsa Arab 14 abad silam. Contohnya, permasalahan jihad, sangat berhubung dengan keadaan bangsa Arab waktu itu yang primitif dan suka perang. Tradisi bertudung juga tak lepas dari keadaan daerah Arab yang sangat panas, tidak hanya perempuan, kaum laki-laki juga memakai jubah, dan pakaian yang menutupi seluruh tubuh, dari hujung kepala hingga hujung kaki. (Laman Webislamlibdiurl:<http://www.islamlib> seperti yang dilayari pada 22 Oktober 2003)

### 3. Hudud

Saya amat mempercayai kepada segala hikmah yang datang daripada Allah (s.w.t). Cara saya beriman dengan hukum hudud sama kuat dengan keimanan saya kepada solat, zakat, puasa dan haji. Orang mukmin wajib mempercayai dan melaksanakan Islam sepenuh, serentak dengan segala keseluruhannya. Islam datang dengan segala hikmah dan penyelesaian. Ia wajib beroperasi selengkapnya. (Nik Abdul Aziz Nik Mat). (Laman Web kelantan di url: <http://mbkelantan.disanasini.com/hudud/html> seperti yang dilayari pada 15 November 2003)

Ungkapan penuh hikmah dari Menteri Besar Kelantan di atas mengingatkan kepada setiap mereka yang mengaku dirinya muslim untuk berpegang teguh dengan segala hukum dan aturan yang telah Allah dan Rasulnya tetapkan tanpa membezakan antara satu hukum dengan yang lainnya, mengambil keseluruhan hukum tersebut dengan penuh rasa yakin bahawa semua yang Allah dan Rasulnya tetapkan adalah penuh hikmah dan kemaslahatan bagi umat. Suatu ancaman tegas bagi mereka yang beriman kepada sebahagian hukum Allah dan meninggalkan sebahagian yang lainnya dinyatakan dalam Quran (al-Baqarah 2: 85):

أَفَتُؤْمِنُ بِعَضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِعَضٍ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَعْلُمُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا حِزْبٌ  
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَى أَسْدَدِ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِعَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Maksudnya: Apakah kamu beriman kepada sebahagian al-Kitab (Taurat) dan ingkar terhadap sebahagian yang lain? Tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian daripadamu, melainkan kehinaan dalam kehidupan dunia, dan pada hari kiamat mereka dikembalikan kepada siksa yang sangat berat. Allah tidak lalaı dari apa yang kamu lakukan.

Ketentuan ajaran Islam, khasnya mengenai hudud seperti potong tangan bagi pencuri dan hukum rejam bagi penzina serta qisas, sering mendapat kritikan tajam dari kalangan non Islam, seperti para orientalis, ahli politik Barat, dan sudah tentu para aktivis Jaringan Islam Liberal (JIL) yang sudah lama termakan idea para orientalis. Mereka menggambarkan hukuman tersebut sebagai sesuatu yang kejam dan tidak sesuai dengan peradaban moden.

Ketika Terengganu berjaya meluluskan Enakmen Kesalahan Jenayah Syari'ah (hudud & qisas). Secara bersama mereka yang jahil akan hukum Islam khasnya hudud menolak, menurut mereka pelaksanaan hudud akan menyebabkan kesan ketidakadilan. Antara yang menentang ialah Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO),

WAO menerima hukum hudud sebagai prinsip Quran, tetapi memahami pelaksanaan undang-undang hudud ketika ini, tidak sesuai. Keadilan merupakan prinsip Islam yang asas. Namun, pelaksanaan undang-undang hudud akan menyebabkan kesan yang tidak adil kepada kedua-dua pihak wanita dan lelaki. WAO berpegang teguh kepada prinsip bahawa hukum hudud ini bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan amat mendiskriminasi. Kerajaan pusat haruslah prihatin terhadap suara rakyat dan menyediakan saluran untuk meneruskan perdebatan terbuka tentang bukan sahaja hukum Hudud tetapi juga tentang amalan agama (Wathslah dan Lee Shook Fong, Hukum Tak Tau Diri Diam Sajalah, Julai 2002, <http://www.wao.org.my/news/rencahanhududd.html>).

Kaum Islam Liberal secara tegas menolak pelaksanaan syariat Islam khasnya hudud dengan hujah yang biasa mereka gunakan terhadap penafsiran ayat-ayat hukum. Ayat-ayat hudud menurut mereka sifatnya kontekstual, jelas mereka;

Seluruh ayat-ayat hukum yang keseluruhannya turun di Madinah itu, harus dianggap sebagai ayat yang hanya berlaku dalam tempoh tertentu dan berbentuk kontekstual, dan terhad pada pengalaman sosial bangsa Arab di abad 7 M. Ayat-ayat itu mencakup ketentuan tentang kewarisan, pernikahan, kedudukan perempuan, hijab, qisas, rejam, potong tangan, dan yang seumpamanya. Al-Qur'an adalah teks dan teks tidak boleh lepas dari konteks. Maka, teks Al-Qur'an juga terikat dengan konteks Arab 14 abad silam, tempat Al-Qur'an turun. Bahkan konteks pada dasarnya telah mendahului teks. Teks

Al-Qur'an adalah hasil proses heterodoksi, pensikapan, dan jawapan Muhammad atas konteks Arab saat itu. Sehingga, Al-Qur'an itu didisain dan dikonstruksi oleh konteks bangsa Arab 14 abad yang silam. Contohnya doktrin tentang jihad, ianya sangat terkait dengan kondisi bangsa Arab waktu itu yang primitif dan suka berperang. (Laman Webislamliburl: //www.islamlib seperti yang dilayari pada 22 Oktober 2003)

Bahkan mengikut Muslim Abdurrahman, salah seorang daripada tokoh Jaringan Islam Liberal (JIL), bila diterapkan syari'at Islam khasnya hudud, maka yang orang-orang miskin dan kaum perempuan yang akan menjadi korban pertama, menurutnya,

Karena dampak kemiskinan, seorang perempuan terpuruk secara sosial. Kemudian dia tidak punya pilihan, tidak boleh bekerja di pabrik garmen, dan lain-lain, akhirnya terperosok ke dunia pelacuran. Bila ia menjadi pelacur, itu bukan karena women choice. Tidak ada seorang perempuan yang bercita-cita jadi pelacur kecuali sangat terpaksa. Bila syari'at Islam diterapkan, mereka akan ditertibkan, dirazia, ditangkap dan didera, direjam. Persolan kemiskinan ini belum tuntas terselesaikan, kita sudah mendapat tambahan pekerjaan. Tidak bisa syari'at Islam melupakan akar persoalannya. Orang Islam yang terpinggirkan ini menderita dua kali. Pertama, secara sosial ia menderita dan kedua secara syari'at, ia menjadi korban pertama (Luthfi, 2002:109).

Ketentuan-ketentuan hudud sifatnya adalah mutlak dan *qof'i* (absolut). Akan tetapi, hudud itu sendiri mempunyai unsur dan syarat yang harus dipenuhi. Hukum Islam tidak sesempit apa yang mereka gambarkan, mereka sudah termakan oleh propaganda Barat yang berusaha merosak dan menampilkkan Islam sebagai agama yang kejam, penuh darah dan anti keadilan.

Umar (r.a) tidak memotong tangan pencuri yang telah sabit kesalahan dan hanya mengenakan *ta'zir* sahaja kerana sedang terjadi tahun kebuluran. Keadaan negara yang diancam kebuluran itu adalah satu *shubhah* atau *reasonable doubt* (keraguan yang munasabah) dalam istilah mahkamah hari ini. Ini kerana Umar amat mahir dan faham tentang ilmu kehakiman Islam) dan pentadbiran Islam yang antara lain prinsipnya berasaskan Hadis: (al-Baihaqi, 1993, 8: 31)

ادرأوا الحدود بالشبهات.

Maksudnya: Elakkanlah daripada mengenakan hukuman hudud jika ada sebarang shubhah.

Juga berdasarkan kepada sebuah Hadis (al-Tirmidhi, t.th, 4:33.)

ادرعوا الحدود عن المسلمين ما استطعتم فإن كان له مخرج فخلوا سبيله، فإن  
الإمام أن ينقطئ في العفو خير من أن ينقطئ العقوبة

Maksudnya: Elakkanlah daripada mengenakan hukuman hudud dari kaum muslimin semampu kamu. Apabila kamu menjumpai jalan (untuk membebaskannya) maka lepaskanlah, kerana kesilapan hakim memberi kemaafan (kepada yang tertuduh kerana shubhah) adalah lebih baik daripada kesilapan (mengenakan hukuman).

#### 4. Quran Edisi Kritis (QEK)

Tafsiran-tafsiran sesat Jaringan Islam Liberal (JIL) seperti yang telah diperincangkan terdahulu, yang membuat kita bertanya: Adakah tafsiran-tafsiran tersebut datang dari seorang yang mengaku dirinya Muslim? ternyata dalam tulisan kali ini, umat Islam akan lebih hairan lagi, kerana ternyata bukan setakat itu sahaja usaha mereka, tetapi ada suatu agenda yang lebih sesat lagi iaitu dekonstruksi Quran itu sendiri sedangkan kesahihan Quran adalah satu perkara agama yang diketahui secara daruruh oleh seluruh kaum Muslimin. Projek ini bertujuan membuat tafsiran kritis kepada Quran dan dinamakan Edisi Kritis Quran atau Quran Edisi Kritis (QEK).

Ketika Nurcholish Madjid melancarkan gagasan sekularisasi pada bulan Januari 1970, mungkin belum terlintas dalam fikiran Muslim di Indonesia bahawa sekularisasi dan liberalisasi Islam juga akan menyentuh hal-hal yang sangat mendasar, iaitu sekitar kebenaran dan kesahihan Quran. Di dalam buku panduan para aktivis Jaringan Islam Liberal (JIL), yang pertama sekali mempopularkan pemikiran liberal mereka dimuat sebuah tulisan berjudul “Edisi Kritis al-Qur'an”, karya Taufik Adnan Amal. Tulisan itu memberikan gambaran bahawa masih ada persoalan tentang kesahihan teks dalam Quran. Taufik Adnan Amal, pensyarah kuliyyah Ulum Quran di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Alaudin Makasar itu, menulis:

Huraian dalam perenggan-perenggan berikut cuba mengungkapkan secara ringkas proses pemantapan teks dan bacaan al-Qur'an, sembari menegaskan bahawa proses tersebut masih meninggalkan sejumlah masalah mendasar, baik dalam ortografi teks maupun pemilihan bacaannya, yang kita warisi dalam mushaf tercetak dewasa ini. Karena itu, tulisan ini juga akan menggagas bagaimana menyelesaikan itu lewat suatu upaya penyuntingan edisi kritis al-Qur'an. (Luthfi, 2002: 78).

### a. QEK Menjejaki Para Orientalis

Agenda untuk meragukan keaslian Quran sebagai wahyu Allah memang telah lama dilakukan secara serius oleh kalangan orientalis seperti karya-karya hasilan Samuel M. Zwemer dan Abraham Geiger (Adnin, 2003,:61).

Dalam karyanya, Geiger berpendapat bahawa kata-kata yang terdapat dalam Quran seperti *tabut*, *Taurat*, *jannatu 'adn*, *jahannam*, *ahbar*, *darasa*, *Sabt*, *taghut*, *Furqan*, *ma'un*, *mathani*, *malakut* berasal dari bahasa Ibrani. Selain kata-kata di atas, Geiger kemudian berpendapat bahawa Quran juga terpengaruh dengan agama Yahudi ketika mengemukakan: (a) hal-hal yang menyangkut keimanan dan doktrin (b) peraturan-peraturan hukum dan moral (c) pandangan tentang kehidupan. Bukan hanya itu sahaja, cerita-cerita yang ada di dalam Quran juga menurutnya tidak lepas dari pengaruh agama Yahudi.

Kajian-kajian kesarjanaan para orientalis khasnya orientalis Yahudi mencapai puncaknya ketika terbit karya J. Wonsbrough, *Quranic Studies: Sources and Methods of Scriptural Interpretation*. Dalam buku ini, Wonsbrough melangkah lebih jauh dengan menegaskan bahawa Quran merupakan hasil konspirasi (kerjasama) antara Nabi Muhammad (s.a.w) dan para Sahabat pada dua abad pertama Islam yang secara sepenuhnya berada di bawah pengaruh Yahudi.

Quran Edisi Kritis (QEK) yang tengah dikembangkan oleh Taufik Adnan Amal dan rakan-rakannya dari Jaringan Islam Liberal (JIL) sebenarnya merupakan langkah ke belakang dalam menghabiskan usia mereka mengekor para orientalis tua yang dahulunya pernah mempunyai *ambitious project* (projek yang amat diidam-idamkan) yang telah gagal. Para orientalis Jerman secara beramai-ramai membuat satu projek al-Qur'an tandingan, *Geschichte des Qorans* selama 68 tahun baru terselesaikan hasil kerjasama: Theodor Noldeke, Friedrich Schwally murid Noldeke, Gotthelf Bergstasser, dan Otto Pretzl. Sampai saat ini, karya ini menjadi karya standard dalam masalah sejarah kritis penyusunan al-Qur'an bagi para orientalis.

Selain itu, Arthur Jeffrey bersama Bergstasser dan Pretzl juga berkeinginan mengusahakan projek QEK. Mereka kemudian mengumpulkan berbagai varsi teks-teks Quran yang boleh didapatkan daripada pelbagai sumber seperti buku-buku tafsir, Hadis, kamus dan manuskrip. Namun, Perang Dunia ke-2 yang menghancurkan Jerman telah memporak-porandakan projek mereka. Sejumlah besar bahan

yang telah mereka himpun musnah terkena bom. Sampai meninggalnya Jeffrey dan Pretzl, projek itu tidak pernah terlaksana. (Adnin, 2003:3).

b. Quran Edisi Kritis (QEK) Gaya Jaringan Islam Liberal (JIL)

Qiraah yang dibolehkan oleh para ulama adalah qiraah yang sudah terpilih dengan serius kerana tidak semua qiraah boleh digunakan ketika membaca Quran. Hanya yang memiliki syarat-syarat tertentu dan telah ditetapkan oleh para ulama sahaja yang diakui sebagai bacaan yang sampai kepada kita daripada Rasulullah (s.a.w). Syarat-syarat tersebut seperti yang disebutkan oleh Imam al-Šuyūṭī daripada Imam al-Qurra' Imam Ibn al-Jazari ialah:

1. Sesuai dengan kaedah Bahasa Ḥarabah, walaupun hanya dalam satu wajah
2. Sesuai dengan Rasm pada salah satu mushaf yang dikirimkan oleh Sayyidina Ḥuḍayr ibn ʻUthmān, walaupun hanya sebuah *ihtimāl*
3. Sahih sanadnya. (al-Šuyūṭī, 1: 203).

Apabila salah satu syarat ini tidak didapati pada sebuah qira'ah maka ia adalah *qira'ah da'ifah* atau *shādhah*, atau *bātilah*, qira'ah yang tidak boleh diterima dan dibaca baik dalam salat maupun di luar salat.

Sebenarnya inti dari QEK yang dirintis oleh Taufik Adnan Amal adalah ingin merombak dan menyalahi syarat-syarat yang merupakan ijma' para ulama tersebut. Menurut Taufik (Taufik, 2001: 83):

Gagasan Ibn Mujāhid yang menabukan penggabungan ragam qira'ah yang memiliki asal-usul berbeza tentu sahaja mesti dilangkahi, karena, seperti disebutkan, sistem-sistem bacaan yang ada termasuk qira'ah tujuh dibangun dengan cara semacam itu. Pada titik ini, pandangan dunia tradisional telah melakukan sakralisasi terhadap suatu bentuk tulisan yang lazimnya dipandang sebagai produk budaya manusia. Suatu upaya desakralisasi rasm Ḥarabah mungkin perlu dilakukan, mengikuti kaidah-kaidah yang lazim dalam penulisan, jika kepentingan muslim awam non Arab dipertimbangkan

Buku *Rekontruksi sejarah al-Qur'an* merupakan buku mukadimah kepada program QEK yang sedang mereka persiapkan-. Dalam mukadimah buku tersebut Taufik menyebutkan, bahawa maksud dari Quran Edisi Kritis (QEK) adalah:

1. Rekontruksi sejarah dan asal-usul Mushaf 'Uthmāni.

2. Mengumpulkan bentuk qiraat baik yang ada dalam Mushaf ‘Uthmānī ataupun Pra Mushaf ‘Uthmānī.
3. Menjadikan qiraat-qiraat tersebut dalam satu mushaf yang mereka sebut Quran Edisi Kritis, yang akan menggantikan Mushaf ‘Uthmānī (Taufik, 2001:3)

Mengikut mereka *kodifikasi* (pengumpulan) Quran pada zaman Khalifah Uthman tidak terlepas daripada campur tangan manusia, kekuasaan dan politik. Mereka beranggapan bahawa pengumpulan Quran cukup panjang, pelik dan rumit. Tentunya sangat mustahil para penulis ketika itu terbebas dari perbezaan pandangan dan perdebatan untuk menentukan ayat-ayat mana yang benar dan asli. Kemudian setelah seluruhnya terkumpul dalam satu mushaf yang dikenal dengan Mushaf ‘Uthmānī, menurut mereka disinilah peranan politik khalifah ‘Uthmān dengan mengesahkan agar mushaf tersebut dianggap suci dan benar.

Ucapan-ucapan mereka yang menghinakan Mushaf ‘Uthmānī dan menganggapnya tidak asli hampir dengan kekufuran. Menurut Imam al-Qurtubi (al-Qurtubi, 1373,1:84):

Al-Qur'an yang telah dikumpulkan oleh Khalifah ‘Uthmān dengan persetujuan para sahabat, kalau ada yang mengingkarinya walaupun hanya sebahagiannya nescaya dia dihukum kafir, hukumnya adalah murtad. Dia diminta untuk bertaubat, apabila dia enggan maka dia harus dihukum pancung. Berkata Abu ‘Ubaid: Perbuatan ‘Uthmān mengumpulkan dan menyusun al-Qur'an sentiasa dijadikan pegangan dan diperhitungkan, kerana ia adalah sumbangan yang paling berharga. Memang di kalangan orang-orang yang menyeleweng ada yang mencelanya, namun kecacatan dan kelemahan-kelemahan mereka lah yang tersingkap dan terungkap.

Setelah mereka menyebarkan keraguan ke atas Mushaf ‘Uthmānī, selanjutnya mereka akan mengumpulkan qiraat-qiraat selain yang diakui oleh para ulama qiraat dan tidak cukup syarat-syarat untuk diterima, iaitu bacaan yang *da‘if*, *syadh* dan *batil*. Kemudian akan mereka campur-adukkan dengan yang telah disepakati oleh para ulama dalam satu mushaf yang mereka sebut Quran Edisi Kritis (QEK) kerananya kita akan menjumpai qiraat yang dinisbahkan kepada Imam Abu Hanifah yang merupakan bacaan-bacaan *syadh* dalam mushaf rekaan mereka tersebut, walaupun para ulama menyatakan qiraat tersebut adalah *maudu‘*. Seperti dengan merafa‘kan lafaz Allah dan menasabkan lafaz ulama dalam Qur'an (al-Fatir 35: 28):

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ

Makna ayat Quran (35: 28) tersebut akan sangat jauh berbeza dari bacaan qiraat yang mutawatir, kerana dalam bacaan ini bermaksud; (Allah yang takut kepada para ulama, dan bukan sebaliknya).

Mereka juga berusaha mencari bacaan-bacaan yang datang sebelum-Mushaf <sup>c</sup>Uthmani, iaitu bacaan dari para sahabat yang tidak diakui oleh Khalifah Uthman kerana tidak sesuai dengan persyaratan pengumpulan ketika itu, seperti bacaan Ibn Mas<sup>c</sup>ūd dan Ubay bin Ka<sup>c</sup>ab. Di antara alasan yang disampaikan oleh Taufik ialah (Taufik 2001):

Alasannya sederhana sekali: Qira'at pra-<sup>c</sup>Utsmānī terkadang memberikan makna yang lebih masuk akal dibanding qira'at dalam tradisi teks <sup>c</sup>Utsmani. Saya ingin mengulang kembali contoh yang pernah dikemukakan Luthfi dalam postingnya yang terdahulu: Bacaan “ibil” (unta, 88: 17) dalam konteks 88: 17-20, sangat tidak sesuai dengan ungkapan “al-samā” (langit), “al-jibāl” (gunung-gunung), dan “al-ard” (bumi). Dalam bacaan Ibn Mas<sup>c</sup>ūd, Aisyah, Ubay, kerangka grafis yang sama dibaca dengan mendatangkan dua “lam”, yakni “ibill” (awan). Bacaan pra-<sup>c</sup>Utsmānī ini, jelas lebih sesuai dan memberikan makna yang lebih logis ketimbang bacaan mutawatir “ibil”.

Contoh-contoh qiraat yang dikemukakan oleh mereka yang akan dijadikan QEK, sudah tidak asing lagi bagi para ulam qira'ah. Para ulama adalah *al-mutqinun* (yang cekap dan teliti) tidak seperti orang-orang Jaringan Islam Liberal (JIL) yang bangga di atas kebodohan mereka. Para ulama tidak akan keliru dengan bacaan-bacaan dalam Quran. Contoh *ibil* (dengan *al-takhfif*) dengan *ibill* (dengan *al-tathqil*) yang dikemukakan oleh Taufik Adnan Amal. Dalam tafsirnya al-Qurtubi menyebutkan bahawa dikatakan oleh Imam al-Mawardi: Perkataan *ibil* (*takhfif*) mempunyai dua makna: Unta dan awan yang membawa hujan. Imam al-Qurtubi pun menjelaskan bahawa ternyata lafadz *ibil* (*takhfif*) adalah *muannath*, kerananya sesuai dengan lafadz *khuliqat* yang menunjuk kepada *muannath* (al-Qurtubi, 1373H, 20:35)

Dari sini jelas bahawa rasm *ibil* (dengan *al-takhfif*) boleh membawa maksud unta dan awan sekaligus, sedangkan apabila dibaca *ibill* (dengan *al-tathqil*) ianya hanya memberikan makna awan sahaja. Jadi mana yang lebih menyeluruh? Quran yang ada sekarang (Mushaf <sup>c</sup>Uthmānī) atau QEK yang akan mereka susun hanya dengan bersandarkan ilmu dangkal mereka? Di mana ilmu mereka apabila dibandingkan dengan ulama dahulu laksana sebuah jarum yang dimasukkan ke dalam lautan nan luas, adakah air yang tersisa di sana? Quran (al-Isra' 17: 88) menegaskan kelemahan manusia dan jin dalam mengadakan sesuatu yang menyamai Quran.

قل لئن اجتمعت الإنس والجح على أأن يأتوا بمثل هدا القرآن لا يأتون بمثله ولو  
كان بعضهم لبعض ظهيرا

Maksudnya: Katakanlah: Sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk membuat yang serupa Quran ini, niscaya mereka tidak akan dapat membuat yang serupa dengan dia, sekalipun sebahagian mereka menjadi pembantu bagi sebahagian yang lain.

#### KESIMPULAN

Dapat disimpulkan di sini bahawa Jaringan Islam Liberal dalam berinteraksi dengan ayat-ayat Quran banyak menggunakan pendekatan akal atau apa yang dinamakan dengan *metode al-tafsir bi al-ra'y al-mazmūm*. Para aktivis JIL dengan berani mentafsirkan ayat Quran sesuai dengan selera mereka dan selera para orientalis Barat. Dalam mentafsirkan ayat Quran mereka tidak berdasarkan kepada kaedah dan syarat yang telah ditetapkan oleh para ulama-ulama tafsir, tetapi mereka hanya berdasarkan kepada pemahaman akal dan ilmu yang dangkal dan juga pendapat para musuh-musuh Islam. Oleh kerana itu pentafsiran JIL lebih jauh terpesong dari kebenaran. Masyarakat awam yang jahil akan terpengaruh dengan pemikiran mereka kerena beranggapan itulah ajaran Islam sebenar yang selari dengan era globalisasi moden dan tafsiran semasa sehingga ramai yang sudah terpengaruh dengan fahaman tersebut. Semestinya para cendikiawan muslim mempertajamkan pena mereka untuk menangkis setiap usaha jahat yang cuba memesongkan fahaman umat Islam dari ajaranya yang sebenar kepada fahaman sekular yang cuba memisahkan agama dengan kehidupan di samping menyatakan bahawa semua agama adalah sama.

#### Rujukan

- Abū al-Su'ūd, Muhammad ibn Muhammad. T.th. *Irshād al-'Aqli al-Salīm Ilā al-Mazāya al-Qur'ān al-Karīm*. 9 Jil. Bayrūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Abū Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ash'ath. 1935. *Sunan Abī Dāwūd*. 4 Jil. al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubrā
- Abudin Nata. t.th. *Peta Keragaman Pemikiran Islam di Indonesia*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Adian Husaini & Nuim Hidayat. 2002. *Islam Liberal. Sejarah. Konsepsi. Penyimpangan Dan Jawabannya*. Jakarta: Gema Insani Press.

- Adnnin Armas. 2003. *Orientalis dan al-Qur'an*. Kertas kerja diskusi INSIST. Kuala Lumpur, 12 November.
- Adnnin Armas. 2003. *al-Qur'an Edisi Kritis Versi Arthur Jeffery* Kertas kerja diskusi INSIST. Kuala Lumpur, 9 Ogos.
- Adnnin Armas. 2003. Menelusuri Pemikiran Orientalis Terhadap al-Qur'an. *Bulletin Pemikiran dan Peradaban Islam* 1 (3): 5-6
- Adnnin Armas. 2003. Pengaruh Kristen-Orientalis Terhadap Islam Liberal. Jakarta: GIP.
- <sup>c</sup>Abd al-Waris Sa<sup>c</sup>id. 1992. *Al-Usuliyah fi al-<sup>c</sup>Ālam al-<sup>c</sup>Arabī Ta<sup>c</sup>līq wa Tarjamah Kitab Islam In Evolution. Fundamentalism In The Arabic World*. Qahirah: Dar al-Wafa'.
- Alif Qi<sup>c</sup>qi Mubarok. 2003. *Runtuhnya Hegemoni al-Qur'an*. (atas talian) [http://www.islamlib.com/id/page.phppage=comment&mode=view&art\\_id=345&comment\\_id=433](http://www.islamlib.com/id/page.phppage=comment&mode=view&art_id=345&comment_id=433). (22 Oktober 2003)
- Amina Wadud Muhsin. 2003. Al-Qur'an dan Perempuan. Dlm. Charles Kurzman (pnyt). *Wacana Islam Liberal. Pemikiran Islam Kontemporer Tentang Isu-Isu Global*, hlm. 185-209 Jakarta: Paramadina.
- al-Anshori, Fauzan. 2003. *Melawan konspirasi JIL*. Jakarta: Pustaka al-Furqon.
- Azyumardi Azra. 2002. *Kaum Feminis Melawan Sunnatullah*. Dlm Luthfi Assyaukanie (pnyt). *Wajah Liberal Islam di Indonesia*, hlm. 124-128. Jakarta: JIL.
- Barton, Greg. 1999. *Gagasan Islam Liberal di Indonesia*. Jakarta: Paramadina.
- Budhy Munawar Rachman. 2003. *Memudarnya Kerukunan Hidup Beragama. Agama-Agama Harus Berdialog*. (atas laman) [\(13 Januari 2002\)](http://www.islamlib.com)
- al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail Abu Abdulllah. 1987. *Sahih al-Bukhārī*. Tahqīq : Mustafa al-Bugha. Bayrūt . Dār Ibn Kathir.
- al-Baghawi, Al-Husain ibn Mas<sup>c</sup>ud. 1407/1987. *Ma<sup>c</sup>ālim al-Tanzil*. Bayrūt: Dār al-Mārifah.
- al-Baihaqi, Ahmad ibn al-Husain. 1414/1993. *Sunan al-Bayhaqi*. 8 Jil. Makkah:: Maktabah Dār al-Bāz
- Departemen Agama RI. 1971. *al-Qur'an dan Terjemahnya*. Jakarta: Yayasan Pengelenggara dan Penterjemah/Penafsir al-Qur'an.
- Departemen Agama RI. 1996. *Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Jakarta: Menara Kudus/Citra Utama.
- Hartono Ahmad Jaiz. t.th. *Bahaya Islam Liberal*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- al-Jawzī, <sup>c</sup>Abdurrahman ibn <sup>c</sup>Ali.1404. *Zād al-Masīr fi <sup>c</sup>Ilmī al-Tafsīr*. 9 Jil. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Jawhari, Isma<sup>c</sup>il ibn Hammad. 1376-1377. *Al-Sīhhah*. al-Qāhirah: Dār al-Kitab al-<sup>c</sup>Arabī
- al-Kaylani, Ismā<sup>c</sup>il. 1408/1987. *Faslū al-Dīn <sup>c</sup>an al-Dawlah*. T.tp: al-Maktab al-Islāmī.

- Kurzman, Charles (pnyt). 2003. Wacana Islam Liberal. Pemikiran Islam Kontemporer Tentang Isu Isu Global. Jakarta: Paramadina.
- Luthfi Assyaukanie (penyt.). 2002. *Wajah Liberal Islam di Indonesia*. Jakarta: JIL.
- al-Muhtasib, Abd al- Majid. 1393/1973. *Ittijāh al-Tafsīr Fī al-‘Asri al-Hadīth*. Bayrūt: Dār al-Fikr.
- al-Qaradawī, Yusuf. 1997. *Al-Qur'an dan al-Sunnah Referensi Tertinggi Ummat Islam*. Jakarta: Robbani Pres.
- al-Qurtubī, Muhammad ibn Ahmad. 1373. *al-Jāmī li Ahkām al-Qur'ān*. 20 Jil. al-Qāhirah: Dar al-Sha'b.
- Qutub, Sayyid. 1973. *Al-Mustaqbāl li hadhā al-Dīn*, al-Qāhirah: Dār al-Syuruq.
- al-Sabūnī, Shaykh Muhammad Ḩāfiẓ Ali. 1977. *Tafsīr Ayat al-Ahkām*. Damshiq: Maktabah al-Ghozali.
- al-Suyutī, Abd. Al-Rahman ibn Abi Bakr. t.th. *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. 4 Jil. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Ṭabarī, Muhammad ibn Jarir. 1405. *Jāmī al-Bayān Fī Tafsīr Āyi al-Qur'ān*. 30 Jil. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Tirmidhi, Muhammad ibn Ḩāfiẓ Isa. t.th. *Sunan al-Tirmidhi*. 6 Jil. Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turats al-‘Arabi.
- Taufik Adnan Amal. 2001. *Rekontruksi atau Rekonstruksi sejarah al-Qur'an*. Yogyakarta: Forum Kajian Budaya dan Agama (FKBA).
- Zaitunah Subhan.1999. Tafsir Kebencian Studi Bias Gander Dalam Tafsir Qur'an. Yogyakarta: LKiS.

Dr Muhd.Najib Abdul Kadir  
 Muhibudin Hassan  
 Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah  
 Dr. Mazlan Ibrahim  
 Jabatan Usuluddin dan Falsafah  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.